

'Bank selalu dilihat, jarang didengar'

BH 30 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas sektor perbankan tempatan yang masih keberatan membiayai modal teroka bagi usahawan kecil walaupun pertumbuhan ekonomi negara semakin pesat.

Perdana Menteri berkata, beliau dimaklumkan, ada sesetengah masyarakat perbankan yang tidak sanggup menyediakan modal teroka kepada peniaga kecil kerana mereka terlalu memikirkan keuntungan.

Kerana itu, katanya, pengusaha kecil terus mengadu mengenai sikap bank lebih suka menghulurkan bantuan kepada perbadanan besar yang tidak berapa memerlukan bantuan, manakala mereka yang benar-benar memerlukan, dipinggirkan.

"Pengusaha kecil mengadu, walaupun bank selalu dilihat, ia jarang mendengar. Kalau terdengar pun, ia selalunya 'tidak'; atau 'menyimpan dengan kami dan kami akan memberi pinjaman dengan jumlah yang sepadan'," katanya.

Beliau menegaskan demikian ketika menyampaikan ucapan di Persidangan Bank-Bank Pusat bertemakan 'Bank Pusat dan Pertumbuhan Mapan di Abad Ke-21', di sini.

Seminar tiga hari bermula semalam itu bagi memperingati jasa Tun Ismail Mohamed Ali, rakyat Malaysia pertama yang dilantik Gabenor Bank Negara dan berkhidmat paling lama dengan bank pusat iaitu daripada 1962 hingga 1980.

Dr Mahathir berkata, masyarakat perbankan perlu memberikan pinjaman dan berbuat demikian secara berhemah kerana itu adalah perniagaan yang perlu mereka lakukan dengan cekap.

"Apa yang saya lihat, masyarakat perbankan kita terlalu mengutamakan keuntungan mereka sehingga terlupa fungsi sebenar kewujudan mereka.

"Ada sesetengah masyarakat perbankan yang menganggap diri mereka bagus kerana memberikan pinjaman berhemah yang hanya 50 hingga 60 peratus daripada simpanan," katanya.

Perdana Menteri turut membidas ahli perbankan yang enggan menyalurkan bantuan untuk pembangunan ketika negara benar-benar memerlukannya.

Malaysia, katanya, amat memerlukan ahli perbankan yang bukan sekadar berperanan sebagai pemberi pinjaman, tetapi pakar dalam menguruskan risiko serta tidak gentar mengambil risiko.

"Kita amat memerlukan masyarakat perbankan yang sedia memayungi tidak

Nilai pinjaman bank tidak menentu

DARI MUKA 1

BH 30 AUG 2000

kira panas atau hujan, dan menjadi rakan kongsi tulen dalam membangunkan negara.

"Saya khuatir hari ini bank kita masih mengamalkan budaya sering melarikan payung mereka sebaik saja hari hujan," katanya.

Beliau berkata, selepas lima suku tahun berturut-turut ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan positif, termasuk kenaikan pesat pada tiga suku terakhir, nilai pemberian pinjaman bersih oleh bank masih tidak menentu.

Aliran bekalan wang dan kecairan sistem perbankan masih lagi dijana daripada sektor luaran.

"Pinjaman bank masih menjadi beban kepada pertumbuhan ekonomi se-

dangkan ia sepatutnya menjadi pemacu seperti yang kita harapkan," katanya.

Perdana Menteri menyasarkan bank tempatan meneruskan asas yang disediakan Tun Ismail ketika menjadi gabenor bank pusat iaitu dengan menjalarkan peranan bank yang sebenar.

"Tun Ismail berpegang kepada prinsip yang mana masyarakat perbankan perlu mengerakkan simpanan secara berkesan dengan menyalurkan simpanan itu secara produktif untuk digunakan bagi membangunkan ekonomi.

"Masyarakat perbankan juga harus memberikan keyakinan kepada rakyat menerusi cara pengurusan bank," katanya.